

30/08/2002

Minggu ekonomi Islam di PWTC Oktober ini

KUALA LUMPUR, Khamis - Minggu Pembangunan Ekonomi Islam (MPEI) akan diadakan buat kali pertamanya pada Oktober depan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini bagi mempromosi dan menjual produk ekonomi Islam di Malaysia.

Program itu dianjurkan serentak dengan Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa di tempat yang sama.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, berkata MPEI akan menjadi satu pendekatan bagi memberi penerangan kepada masyarakat berkaitan produk ekonomi Islam dan membolehkan masyarakat berinteraksi secara langsung dengan agensi dan institusi berkenaan.

Ia akan berlangsung daripada 26 hingga 31 Oktober dan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Abdul Hamid berkata, sempena MPEI, anjuran Majlis Pelan Tindakan Pembangunan Ummah (MPTPU), beberapa program akan diadakan termasuk Ekspo Produk Islam dan Jualan Barangan, Pameran Mushaf Al Quran Tulisan Tangan, Konvensyen Pajak Gadai Islam Ar-Rahnu, Seminar Kenali Emas serta pertandingan akhir debat antara universiti, sayembara penulisan esei, pertandingan melukis, mewarna dan penulisan khat.